



SIARAN UNDANG-UNDANG UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

DITERBITKAN DENGAN KUASA LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI DI BAWAH
SEKSYEN 39(3)(b) PERLEMBAGAAN

23hb Disember 2014

S.UU(A)004/14

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR) (PINDAAN) 2014

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PINDAAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN IBU

- 3. Pindaan Kepada Peraturan-Peraturan Ibu**

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN KECUALIAN DAN PERALIHAN

- 4. Tafsiran**
- 5. Kesalahan tindakan oleh Universiti**
- 6. Penerusan Jawatan**

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR) (PINDAAN) 2014

Suatu Peraturan-Peraturan untuk meminda Peraturan-Peraturan Universiti Putra Malaysia (Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar) 2011.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subskesyen 57(2) Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 448/2010], Lembaga membuat Peraturan-Peraturan berikut:-

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Putra Malaysia (Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar) (Pindaan) 2014 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 15 November 2014.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Peraturan-Peraturan Ibu” ertinya Peraturan-Peraturan Universiti Putra Malaysia (Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar) 2011.

BAHAGIAN II

PINDAAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN IBU

Pindaan Kepada Peraturan-Peraturan Ibu

3. Peraturan-Peraturan Ibu dipinda seperti berikut:-

(a) memasukkan selepas tafsiran perkataan “Akta” dalam Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Ibu, perenggan berikut:-

““cuti antara semester” ertinya cuti antara semester pertama dan semester kedua dalam sesuatu kalendar akademik yang ditetapkan.”;

(b) memasukkan selepas tafsiran ungkapan “Jawatankuasa Rayuan Pemilihan MPP” dalam Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Ibu, perenggan berikut:-

““Kalendar akademik yang ditetapkan” ertinya kalendar akademik yang dipilih oleh Naib Canselor mengikut subperaturan 3(d).”;

(c) memotong perkataan “dan” selepas perkataan “pemilihan;” dalam subperaturan 3(b) Peraturan-Peraturan Ibu;

(d) menggantikan tanda “.” selepas perkataan “pemilihan” dalam subperaturan 3(c) Peraturan-Peraturan Ibu dengan tanda “;”;

(e) memasukkan selepas subperaturan 3(c) Peraturan-Peraturan Ibu, subperaturan berikut:-

(d) “memilih satu kalendar akademik daripada sebilangan kalendar akademik Universiti yang telah ditetapkan oleh Senat, bagi mengadakan pemilihan MPP dalam tempoh kalendar akademik itu.”

(f) memasukkan selepas Peraturan 3 Peraturan-Peraturan Ibu, Peraturan berikut:-

"Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar

3A. (1) Pemilihan MPP hendaklah diadakan dalam kalendar akademik yang ditetapkan.

(2) Pemilihan MPP dalam kalendar akademik yang ditetapkan itu hendaklah diadakan pada semester pertama, dan sebelum cuti antara semester itu bermula.”;

(g) memasukkan selepas perkataan “Calon kawasan”, dan sebelum perkataan “Umum bersama-sama” dalam Peraturan 18(1), perkataan “Fakulti dan”;

(h) memotong subperaturan 18(2) Peraturan-Peraturan Ibu;

(i) memotong perkataan “atau (2)” dalam subperaturan 18(3) Peraturan-Peraturan Ibu;

(j) memotong perkataan “atau (2)” dalam subperaturan 18(9) Peraturan-Peraturan Ibu;

(k) menggantikan Peraturan 39 Peraturan-Peraturan Ibu, dengan Peraturan berikut:-

“39. (1) Calon yang berjaya di dalam Pemilihan MPP adalah membentuk MPP dan hendaklah, memilih sesama mereka—

(a) seorang Yang Dipertua;

(b) seorang Naib Yang Dipertua;

(c) seorang Setiausaha;

(d) seorang Bendahari; dan

(e) pemegang bagi jawatan lain yang dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.

(2) Pemegang jawatan MPP hendaklah memegang jawatan bagi tempoh berbaki bagi kalendar akademik

yang ditetapkan selepas pemilihan MPP dibuat dan selepas dipilih ke jawatan itu.

(3) Walau apapun subperaturan 2, dan tertakluk kepada pemegang jawatan MPP belum bergraduat, sekiranya tempoh berbaki bagi kalendar akademik yang ditetapkan telah berakhir, dan pemilihan MPP baharu belum dibuat, pemegang jawatan MPP sedia ada hendaklah menjadi pemegang jawatan MPP sementara sehingga pemilihan MPP yang baharu diadakan dan pemegang jawatan baharu dipilih.”

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN KECUALIAN DAN PERALIHAN

Tafsiran

4. Dalam bahagian ini—

“kalendar akademik yang ditetapkan” ertinya kalendar akademik sesi 2014/2015(Program Bacelor);

“MPP sedia ada” ertinya Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia yang dipilih pada tahun 2013;

“Pemegang jawatan” ertinya pemegang jawatan MPP yang dipilih pada tahun 2013;

“Tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa.

Kesahan tindakan oleh Universiti

5. Apa-apa suratcara, dokumen, borang atau perkiraan aktiviti pelajar yang telah disempurnakan oleh Universiti dengan MPP sedia ada, pada

tarikh yang ditetapkan disifatkan telah dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

Penerusan jawatan

6. Pemegang jawatan MPP sedia ada pada tarikh yang ditetapkan hendaklah disifatkan dipilih mengikut kalendar akademik yang ditetapkan dan hendaklah menjadi pemegang jawatan sementara sehinggalah pemilihan MPP baharu diadakan.

Dibuat 9 Disember 2014
[Minit Mesyuarat LPU 103/09]
[UPM/PPUU/100-1/1/4/MPP]

PROF. EMERITUS TAN SRI DATO' DR. SYED JALALUDDIN SYED SALIM

*Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Putra Malaysia*

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971
THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (ELECTION OF STUDENTS'
REPRESENTATIVE COUNCIL) (AMENDMENT) REGULATIONS 2014

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

- 1. Name and commencement**
- 2. Interpretation**

PART II

AMENDMENT TO THE PARENT REGULATIONS

- 3. Amendment To The Parent Regulations**

PART III

SAVINGS AND TRANSITIONAL PROVISIONS

- 4. Interpretation**
- 5. Validity of Action by the University**
- 6. Continuance of Office**

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971
THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (ELECTION OF STUDENTS'
REPRESENTATIVE COUNCIL) (AMENDMENT) REGULATIONS 2014

A Regulation to amend Universiti Putra Malaysia (Election of Students' Representative Council) Regulations 2011.

IN exercise of the powers conferred under subsection 57(2) of the Constitution of Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 448/2010], the Board makes the following regulations:-

PART I

PRELIMINARY

Name and commencement

1. This Regulations may be cited as the Universiti Putra Malaysia (Election of Students' Representative Council) (Amendment) Regulations 2014 and shall come into operation on 15 November 2014.

Interpretation

2. In this Regulations, unless the context otherwise requires-

“Parent Regulations” means Universiti Putra Malaysia (Election of Students' Representative Council) Regulations 2011.

PART II

AMENDMENT TO THE PARENT REGULATIONS

Amendment to the Parent Regulations

3. The Parent Regulations are amended as follows—

(a) by inserting after the interpretation of the word “Act” in Rule 2 of the Parent Regulations, the following paragraph:-

“inter semester break” means a break between the first and the second semester in the appointed academic calendar.”;

(b) by inserting after the interpretation of the phrase “SRC Election Appeal Committee” in Rule 2 of the Parent Regulations, the following paragraph:-

“Appointed academic calendar” means an academic calendar selected by the Vice Chancellor in accordance with subrule 3(d);

(c) by deleting the words “and” after the words “constituency,” in subrule 3(b) of the Parent Regulations;

(d) by substituting the symbol “.” after the words “constituency” in subrule 3(c) of the Parent Regulations with the symbol “;”;

(e) by inserting after the subrule 3(c) of the Parent Regulations, the following subrule:-

(d) “select one academic calendar from a number of academic calendars of the University prescribed by the Senate for the conduct of an election of Students Representative Council within the period of the academic calendar.”;

(f) by inserting after Rule 3 of the Parent Regulations, the following Rule:-

"Election of Students Representative Council

3A. (1) Election of SRC shall be conducted within the appointed academic calendar.

(2) The election of SRC within the appointed academic calendar shall be conducted in the first semester, and before the inter semester break begins."

(g) by inserting after the words "The candidate for", and before the words "the General constituency" in Rule 18(1), the words "the Faculty and";

(h) by deleting subrule 18(2) of the Parent Regulations;

(i) by deleting the words "or (2)" in subrule 18(3) of the Parent Regulations;

(j) by deleting the words "or (2)" in subrule 18(9) of the Parent Regulations;

(k) by substituting Rule 39 of the Parent Regulations, with the following Rule:-

"39. (1) The successful candidates in the Election of the SRC shall form the SRC and shall, elect from among themselves—

(a) a President;

(b) a Vice President;

(c) a Secretary;

(d) a Treasurer; and

(e) other office-bearers authorized in writing by the Vice Chancellor.

(2) The SRC office bearers shall hold the office for the remainder period of the appointed academic calendar after the conduct of the election of SRC and after being selected to the office.

(3) Notwithstanding subrule 2, and subject to the MPP office bearer is not yet graduated, if the remainder period of the appointed academic calendar ends, and a new election of SRC is yet to be conducted, the existing SRC office bearers shall be the caretaker SRC until the new election of the SRC is conducted and new office bearers are selected."

PART III

SAVINGS AND TRANSITIONAL PROVISIONS

Interpretation

4. In this Part—

"appointed academic calendar" means a calendar academic for session 2014/2015 (Bachelor Programmes);

"Existing SRC" means Students Representative Council of the Universiti Putra Malaysia elected in the year 2013;

"Office bearers" means office bearers of SRC elected in the year 2013;

"Appointed date" means the date on which this Regulations come into force.

Validity of action by the University

5. Any instruments, documents, forms or arrangement of student activities which has been executed by the University and the existing SRC, on the appointed date be deemed to be made under this Regulations and continue to be in force and have effect.

Continuance of office

6. The office bearers of the existing SRC on the appointed date be deemed to be elected according to the appointed academic calendar and shall be the caretaker office bearers until a new SRC election is conducted.

Made 9 December 2014

[Minutes of Board 103/09]

[UPM/PPUU/100-1/1/4/MPP]

PROF. EMERITUS TAN SRI DATO' DR. SYED JALALUDDIN SYED SALIM

*Chairman
Board of Directors
Universiti Putra Malaysia*